

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan Auto-i CBP. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini.	 PEMBIAYAAN AUTO-i CBP Tarikh: _____ (Untuk diisi oleh Staf Jualan/Cawangan)												
1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?													
Pembiayaan Auto-i CBP ialah pembiayaan berjangka yang dikira berdasarkan kadar tetap bagi membolehkan anda memiliki kenderaan idaman.													
2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?													
- Prinsip Syariah yang diguna pakai ialah Kontrak Murabahah (Pesanan Belian Murabahah). - Murabahah ialah kontrak belian dan jualan sesebuah aset yang mana margin kos dan keuntungan adalah didedahkan. - Di bawah kontrak ini, pelanggan telah membuat akujanji terikat (Wa`d) untuk membeli kenderaan daripada pihak CBP, setelah pihak CBP memperoleh hak ke atas kenderaan tersebut dengan melaksanakan akad Murabahah yang mana pihak CBP menjual kenderaan tersebut kepada pelanggan berdasarkan harga jualan Murabahah secara tertangguh. Seterusnya, kenderaan tersebut dijadikan sebagai marhun di bawah kontrak Ar-Rahn . Rahn merujuk kepada sebuah kontrak, yang mana satu pihak sebagai penggadai (rahin) mengikat gadai janji sebuah aset sebagai gadaian/cagaran (marhun) kepada penerima gadaian (murtahin), untuk memenuhi liabiliti pelanggan sekiranya penggadai tidak mampu melunaskan keberhutangan.													
3. Apakah yang saya dapat dari produk ini?													
<table><tr><td>a)</td><td>Jumlah pembiayaan</td><td>RM.....</td></tr><tr><td>b)</td><td>Kadar keuntungan</td><td>.....% setahun</td></tr><tr><td>c)</td><td>Kadar efektif</td><td>.....%</td></tr><tr><td>d)</td><td>Tempoh pembiayaan</td><td>.....tahun</td></tr></table>		a)	Jumlah pembiayaan	RM.....	b)	Kadar keuntungan	% setahun	c)	Kadar efektif	%	d)	Tempoh pembiayaan	tahun
a)	Jumlah pembiayaan	RM.....											
b)	Kadar keuntungan	% setahun											
c)	Kadar efektif	%											
d)	Tempoh pembiayaan	tahun											
4. Apakah tanggungjawab kewangan saya dengan melanggan produk ini?													
<table><tr><td>❖ Jumlah Harga Jualan</td><td>RM.....</td></tr><tr><td>Ansuran Bulanan</td><td>RM.....</td></tr><tr><td>Jumlah Keseluruhan yang perlu dibayar termasuk jumlah pembiayaan</td><td>RM.....</td></tr></table> Nota: ❖ Jumlah harga jualan adalah dikira daripada kadar keuntungan yang tidak berubah sepanjang tempoh pembiayaan. ❖ Bayaran pendahuluan atau lebihan bayaran adalah dibenarkan dan akan dikira sebagai bayaran ansuran bulan hadapan. ❖ Bayaran pendahuluan atau lebihan bayaran ini akan memberikan kesan terhadap pengiraan keuntungan akaun pembiayaan anda.		❖ Jumlah Harga Jualan	RM.....	Ansuran Bulanan	RM.....	Jumlah Keseluruhan yang perlu dibayar termasuk jumlah pembiayaan	RM.....						
❖ Jumlah Harga Jualan	RM.....												
Ansuran Bulanan	RM.....												
Jumlah Keseluruhan yang perlu dibayar termasuk jumlah pembiayaan	RM.....												

5. Apakah fi dan caj - caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis	Huraian
i	Duti Setem	Seperti yang terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)
ii	JPJ	RM 15.00
iii	Salinan Dokumen Sekuriti Pembiayaan	- Salinan <50 helai: RM20 - Salinan >50 helai: RM30
iv	Pos	RM 10.00
v	Penyata Pembiayaan	RM 20.00
vi	Penyata Penebusan	RM 50.00

6. Bagaimana jika saya gagal membuat bayaran pada masa yang ditetapkan?

- Pelanggan akan dikenakan Caj Ganti Rugi (*Ta'widh*) dan caj lewat bayar (*Gharamah*) kerana tunggakan atau Bayaran Lewat

Ta'widh Ketika Tempoh Pembiayaan	1% setahun ke atas jumlah bayaran ansuran bulanan tertunggak secara tidak dikenakan kompaun. CBP akan mengiktiraf caj ini dalam akaun untung rugi.
Ta'widh Ketika Tamat Tempoh Pembiayaan	Pada kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas baki jumlah pembiayaan yang tertunggak secara tidak terkompaun bermula dari tarikh tamat pembiayaan sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya diterima oleh CBP. CBP akan mengiktiraf caj ini dalam akaun untung rugi
Gharamah	Pada suatu kadar yang mana kombinasi kadar gharamah dan ta'widh adalah tidak melebihi "purata kadar portfolio pembiayaan" ke atas jumlah bayaran ansuran bulanan tertunggak secara tidak dikenakan kompaun selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan prinsip Syariah. CBP tidak akan mengiktiraf caj ini dalam akaun untung rugi

- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan mengenai tunggakan pembayaran anda. Apa-apa sekuriti yang dicagarkan kepada CBP mungkin akan dirampas dan anda perlu tanggung segala kos berkaitan pelupusan aset. Anda juga perlu menyelesaikan apa-apa kekurangan yang mungkin ada selepas penjualan aset tersebut.
- Hak untuk tolak-selesai: CBP berhak untuk menolak-selesai baki tertunggak dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda dengan kami yang mana pelanggan akan diberitahu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar lebih awal.

7. Bagaimana jika saya membayar sepenuhnya sebelum tarikh matangnya?

- Pihak CBP akan memberikan rebat wajib kepada Pelanggan berdasarkan prinsip Syariah Ibra' bagi:
 - Sebarang penebusan awal / penyelesaian awal.
 - Perbezaan di antara Harga Jualan dan bayaran ansuran sebenar yang telah diselesaikan apabila berakhirnya sesuatu Tarikh Matang. (perbezaan antara Kadar Keuntungan Siling (KKS) dan Kadar Keuntungan Efektif (KKE))
 - Penyelesaian kontrak pembiayaan asal disebabkan oleh penyusunan semula pembiayaan.
 - Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes kegagalan pembayaran.
 - Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

- Formula pengiraan ibra' wajib secara am adalah seperti berikut:

$$Ibra'^* = \text{Keuntungan tertangguh} - \text{Caj penyelesaian awal (anggaran kos yang munasabah)}$$

**Nota : Ibra' ialah jumlah keuntungan tertangguh belum terakru*

- Formula pengiraan penyelesaian awal selepas Ibra' secara am adalah seperti berikut:

$$\text{Amaun Penyelesaian awal} = \text{Baki Harga Jualan} + \text{Ansuran tertunggak} + \text{Ta'widh} + \text{Gharamah (Jika ada)} - \text{ibra'}$$

8. Perlukah saya mengambil perlindungan takaful?
Ya. Perlindungan Takaful diperlukan. Walaubagaimanapun, pelanggan diberikan kebebasan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful daripada mana-mana syarikat Takaful bagi kenderaan tersebut.
9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung
Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi tanggungjawab pembiayaan anda dan berterusan gagal, pihak CBP akan memberi peringatan kepada pelanggan dengan kemungkinan tindakan pemulihan seperti tindakan prosiding undang-undang dan segala kos yang berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan.
10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?
Tertakluk kepada keupayaan kredit pelanggan dan keputusan pihak CBP.
11. Apakah yang perlu lakukan jika berlaku sebarang perubahan pada maklumat peribadi saya?
- Anda perlu menghubungi CBP dengan kadar segera jika terdapat perubahan terhadap maklumat peribadi anda bagi memastikan sebarang komunikasi dan surat-menyurat dapat dihantar tepat pada masanya. - Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-88-7650 atau kunjungi mana-mana cawangan CBP untuk mengemas kini maklumat peribadi dari semasa ke semasa.
12. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?
Sekiranya Pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari www.cbp.com.my .
13. Sebarang cadangan, pertanyaan atau aduan boleh disalurkan ke:
- Untuk sebarang cadangan, pertanyaan atau aduan sila hubungi kami di: - Pusat Panggilan CBP : 1-300-88-7650 - Whatsapp : 019-7567650 - Hari Operasi : Isnin hingga Jumaat - Waktu Operasi : 8:30 pagi hingga 5.30 petang - Alamat : Seksyen Khidmat Pelanggan Wisma Co-opbank Pertama, No. 115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur. - E-mel : info@cbp.com.my - Sekiranya CBP tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, Pelanggan boleh merujuk selanjutnya kepada: Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bahagian Penyasatan dan Penguatkuasaan Tingkat 6, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur Tel: 03-2083 4300; Faks: 03-2083 4100 Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi = https://aduan.skm.gov.my
14. Lain-lain produk pembiayaan kenderaan yang ditawarkan?
Tiada

NOTA PENTING!

- TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIKENAKAN JIKA PELANGGAN TIDAK MELUNASKAN PEMBIAYAAN.
- LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI & DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN.

Penafian: Terma dan syarat di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak CBP. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan. Penyampaian Lembaran Pendedahan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh CBP untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

PENGESAHAN PELANGGAN

Saya dengan ini memperakukan telah menerima, membaca dan memahami penjelasan yang diberikan melalui Lembaran Pendedahan Produk ini serta **Terma & Syarat Produk** yang terkandung di laman www.cbp.com.my.

.....
Nama Pelanggan:
No. Kad Pengenalan:
Tarikh: